*Memoir*

# BAPA PEMBANGUNAN PELADANG






ISBN 983-9258-01-X

**Hakcipta terpelihara**

Tidak dibenarkan mengeluar ulang
mana-mana bahagian isi kandungan buku ini
dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga cara
sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik,
rakaman atau lain-lain sebelum
mendapat izin bertulis daripada
Ketua Pengarah,
Lembaga Pertubuhan Peladang

Diterbit oleh:

**Lembaga Pertubuhan Peladang,**
Blok C Utara,
Pusat Bandar Damansara,
Karung Berkunci 11005,
50990 Kuala Lumpur.

Dicetak oleh:

Ampang Press Sdn. Bhd.
6 & 8 Jalan 6/91, Taman Shamelin Perkasa
Batu $3^1/_2$, Jalan Cheras
56100 Kuala Lumpur.

M
920.9630095595
MUS M

APB 949448
NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
29 AUG 1998

# Pendahuluan

Buku *Memoir Bapa Pembangunan Peladang* ini diterbitkan sempena Ulang Tahun Ke-25 Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), iaitu bagi mengimbas kembali peranan dan sumbangan yang dicurahkan oleh Tan Sri Dato' Hj. Mustafa bin Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP dari awal penubuhan LPP sehinggalah pada masa ini.

Buku ini memaparkan juga penglibatan ramai pemimpin negara yang turut memberi sumbangan dan memainkan peranan penting dalam memantapkan Pertubuhan Peladang (PP). Di samping itu, buku ini memaparkan juga penglibatan bekas Ketua-ketua Pengarah LPP yang melaksanakan tugas membantu Tan Sri Dato' Hj. Mustafa bin Hj. Abdul Jabar dalam membangunkan, menggerakkan dan memajukan PP dan masyarakat peladang.

Diharapkan dengan terbitnya buku ini, masyarakat umum dan para penyelidik bolehlah menggunakannya sebagai bahan rujukan dalam mengenali peranan dan tanggungjawab yang telah dimainkan dan disumbangkan oleh Tan Sri Dato' Hj. Mustafa bin Hj. Abdul Jabar dalam usaha meningkatkan dan memertabatkan LPP sebagai sebuah organisasi yang telah dapat menggerakkan PP ke arah meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat peladang.

Semoga dengan gambar dan keterangan gambar yang dipaparkan dalam buku ini dapat memberi maklumat berguna kepada masyarakat dan dapat mewujudkan masyarakat Malaysia yang bermaklumat serta menjadi khazanah negara.



## Perutusan
# Perdana Menteri Malaysia

Saya mengucapkan tahniah kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) kerana menerbitkan Buku ***Memoir Bapa Pembangunan Peladang*** untuk memberi penghormatan kepada Tan Sri Dato' Hj. Mustafa bin Hj. Abdul Jabar yang telah menjadi Pengerusi LPP selama 25 tahun.

Tan Sri Dato' Hj. Mustafa bin Hj. Abdul Jabar telah banyak berjasa kepada negara terutamanya dalam membawa bidang pertanian ke tahap yang lebih maju, efisien dan produktif. Beliau telah berjaya mengubah masyarakat petani yang bercorak sara diri ke arah masyarakat peladang yang mengurus sumber-sumber yang mereka miliki secara komersil di bawah naungan pergerakan pertubuhan peladang seluruh negara.

Tan Sri Dato' Hj. Mustafa bin Hj. Abdul Jabar adalah layak digelar 'Bapa Pembangunan Peladang' kerana jasa dan komitmen yang diberikan kepada pembangunan peladang. Saya berharap beliau akan terus memberi sumbangan demi kemajuan dan pembangunan para peladang di negara ini.

Akhir kata saya mengucapkan syabas kepada Tan Sri Dato' Hj. Mustafa bin Hj. Abdul Jabar atas kejayaan yang dicapainya selama ini dan sentiasa dilimpahi rahmat dan kesihatan yang berterusan oleh Allah S.W.T

**DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**
Kuala Lumpur
19 Disember 1997



## Perutusan
# Menteri Pertanian Malaysia

Dalam arena pembangunan negara amnya dan pembangunan sektor pertanian khasnya, nama Tan Sri Dato' Hj. Mustafa bin Hj. Abdul Jabar adalah tidak asing lagi. Beliau merupakan pemimpin masyarakat peladang yang jati.

Perjuangan beliau untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat peladang dan memantapkan sektor pertanian supaya dapat memberi sumbangan yang bermakna ke arah pembangunan negara telah mendapat pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan apabila pada tahun 1973 Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia ketika itu melantik beliau sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan seterusnya sebagai Timbalan Menteri Pertanian pada tahun 1974. Apabila Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) ditubuhkan bagi menyatukan persatuan-persatuan peladang seluruh negara di samping melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan menyusun semula masyarakat luar bandar, Tan Sri Dato' Hj. Mustafa yang merupakan salah seorang pengasas kepada penubuhan LPP telah dilantik menjadi Timbalan Pengerusi dan pada 1 September 1973 menjadi Pengerusi LPP sehinggalah sekarang.

Sesungguhnya gelaran "Bapa Pembangunan Peladang" yang diberi kepada Tan Sri Dato' Hj. Mustafa sangat tepat dan bersesuaian sekali dengan sumbangan yang amat besar yang diberikan kepada masyarakat peladang khasnya dan kepada negara amnya. Saya percaya buku memoir mengenai perjuangan Tan Sri ini akan menjadi contoh, serta memberi perangsang dan motivasi kepada pemimpin dan generasi muda untuk terus berjuang bagi membela nasib masyarakat luar bandar dan masyarakat peladang tanpa mengenal penat dan jemu. Saya berdoa agar Tan Sri Dato' Hj. Mustafa bin Hj. Abdul Jabar serta keluarga sentiasa dilimpahi rahmat, kesihatan dan kebahagiaan sepanjang masa dan terus memimpin LPP dan para peladang menuju Wawasan 2020.

**(DATUK AMAR DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD)**

## Penghargaan

Lembaga Pertubuhan Peladang dengan ini mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada En. Saat Mohamad Tan, Pengurus Unit Produksi Media yang telah mengambil inisiatif, menyumbang tenaga dan idea bagi mengumpulkan dan mendokumentasikan gambar-gambar album LPP menjadi sebuah buku bagi menambah khazanah ilmu untuk negara.

Seterusnya, penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada:

- Tuan Hj. Milatusamshi bin Imam Nawawi - Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan.
- Puan Mariam Mas binti Yaakub - Pengarah Pembangunan Usahawan Peladang.
- Encik Md. Ayub bin Ahmad - Pengarah Kewangan.
- Puan Hjh. Radziah bte Mohd. Nor - Penolong Pengarah, Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia.
- Encik Zubir bin Harun - Penolong Pengarah Unit Produksi Media.
- Encik Musa bin Abu Samah - Pengurus, Unit Perhubungan Awam.
- Encik Rohman bin Jasmani - Pembantu, Unit Produksi Media.
- Encik Ishak bin Abdul Rahman - Ahli Fotografi, Unit Produksi Media.
- Puan Sharifah binti Sulaiman - Pembantu Tadbir Rendah, Unit Produksi Media.

Serta mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan buku ini.

## LELAKI BERSUKMA WAJA

**Untuk Bapa Pembangunan Peladang**
**Tan Sri Dato' Hj. Mustafa bin Hj. Abdul Jabar.**

Waktu mendewasakanmu dengan
seribu kisah; suka dan duka
di desa jauh terpingit namamu
antara redup rimbun pepohon

Mengalir detik sulaman denyut hidup
perih derita kau sepuh semangat waja
dua tanganmu menjulang tekad semangat
antara pejuang lahirlah dirimu
mengukir daulat dan peribadi bangsamu

Seperti asalmu dari desa jauh
tak kau lupa rembas keringat
yang pernah kau renjiskan ke tanah basah
lalu rindu harapmu pada keindahan
daerah cintamu yang permai hijau

Terima kasih, Ayah yang berjasa
sebening embun pagi budi kau taburkan
tak pernah kau tanya tentang balasan

**Mohd. Adzlan Sulong**

Ketika Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri, pada tahun 1973 Tan Sri Dato' Haji Mustafa dilantik menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian. Perlantikan ini dilakukan kerana Allahyarham Tun Abdul Razak menyedari bahawa Tan Sri Dato' Haji Mustafa memang layak dan sesuai memegang jawatan tersebut berdasarkan pengalaman dan sejarah hidupnya yang begitu rapat dengan kehidupan peladang.

Tan Sri Dato' Haji Mustafa berada di puncak kerjaya politiknya pada tahun 1974 apabila beliau dilantik menjadi Timbalan Menteri Pertanian sehinggalah pada tahun 1978 apabila beliau mengundur diri sebagai Ahli Parlimen. Sungguhpun begitu dari tahun 1978 hingga 1984 beliau dilantik sebagai Ahli Dewan Negara. Semasa Allahyarham Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Mustafa dilantik sebagai Setiausaha Agung UMNO iaitu satu jawatan penting berdasarkan kepada pengalaman dan ciri-ciri keistimewaan yang dimilikinya. Ketokohan dan kepimpinan beliau mengurus dan mentadbir UMNO telah membawa UMNO kekal sebagai institusi Melayu yang unggul.

## Bapa Pembangunan Peladang

Tan Sri Dato' Haji Mustafa menjadi pemimpin peladang sejak memegang beberapa jawatan penting di kampungnya dan juga Negeri Selangor. Namun menjadi lebih ketara apabila beliau memegang jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Timbalan Menteri Pertanian, terutama pada tahun 1973 apabila kerajaan di bawah pimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak mengarah penubuhan sebuah organisasi baru iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Penubuhan LPP bertujuan menyatukan persatuan-persatuan peladang dan syarikat kerjasama asas tani di seluruh negara di samping menyahut Dasar Ekonomi Baru dan menyusun semula masyarakat luar bandar. Tan Sri Dato' Haji Mustafa sebagai salah seorang pengasas penubuhan LPP telah diberi kepercayaan menjadi Timbalan Pengerusi dan seterusnya Pengerusi LPP pada 1 September 1973 hingga sekarang.

Sesungguhnya tiada siapa dapat menafikan perkembangan dan kejayaan LPP dan Pertubuhan Peladang adalah hasil daripada kegigihan Pengerusi, Ketua Pengarah, anggota LPP dan pemimpin peladang. Hasil usaha yang dijalankan membolehkan bidang pertanian berkembang mengikut arus perkembangan masa, kalau dulu pertanian dijalankan secara kecil-kecilan untuk sara diri oleh para peladang tetapi kini berkembang pesat dan dijalankan mengikut ekonomi bidangan.

Tan Sri Dato' Haji Mustafa tidak pernah jemu dalam menyeru dan merayu masyarakat peladang selama lebih 25 tahun di negara ini supaya menyertai pergerakan pertubuhan peladang. Matlamatnya tidak lain, adalah untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat peladang dan kemantapan sektor pertanian supaya dapat memberi sumbangan yang bermakna ke arah pembangunan negara.

Sumbangan besar yang diberikan oleh Tan Sri Dato' Haj. Mustafa kepada masyarakat peladang memang tidak ternilai, maka tidak hairanlah nama beliau tercatat dalam tinta emas sebagai **Bapa Pembangunan Peladang** yang berjasa dan berjaya memartabatkan dan menonjolkan imej LPP, pertubuhan peladang dan masyarakat peladang.

## Anugerah Kebesaran

Tan Sri Dato' Hj. Mustafa telah banyak menghabiskan masa dan tenaganya untuk agama, bangsa dan negara. Sebagai mengenang jasa dan bakti yang dicurahkan, beliau telah dianugerahkan Darjah Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran Tan Sri oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong IX, Sultan Azlan Muhibbudin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Ghafarullahu Shah, sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-63 pada 5 Jun 1991. Manakala darjah kebesaran lain yang diterima ialah S.P.M.S., D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., dan J.P.

## Keluarga Bahagia

Tan Sri Dato' Haji Mustafa telah mendirikan rumahtangga dengan Puan Sri Datin Hajjah Asmah binti Kasmijan pada tahun 1942. Pasangan bahagia ini dikurniakan lima orang anak, dua lelaki dan tiga perempuan. Dua orang anak lelaki mereka, Ismail dan Mohd. Kamal mempunyai perniagaan sendiri, manakala tiga orang anak perempuan mereka, Siti Mariam, Halidah dan Mariana berkhidmat dengan kerajaan. Pasangan ini juga telah dikurniakan 12 orang cucu.

Kejayaan dan kebahagiaan yang dinikmati oleh Tan Sri Dato' Haji Mustafa juga adalah hasil dorongan dan semangat yang diterapkan oleh isteri beliau. Kunci kebahagiaannya juga banyak bergantung kepada perasaan bertimbang rasa, saling faham memahami dan setiap masalah yang dihadapi dikongsi bersama. Buktinya, rumahtangga beliau telah berkekalan selama lebih 50 tahun dan sentiasa dalam aman dan bahagia. Kebahagian ini jugalah yang telah diwarisi oleh kelima-lima orang anak mereka. Ini semua adalah rahmat Allah ke atas hamba-Nya.



1. Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyambut ketibaan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj sempena lawatan ke Ibu Pejabat MARA. Turut serta menyambut ketibaan Almarhum ialah Y.B. En. Abdul Ghafar b. Baba.



2. Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar (duduk di sebelah kiri Allahyarham Tun Abdul Razak) selepas perasmian Dewan Orang Ramai Kampung Sungai Air Tawar, Sabak Bernam.



5. Allahyarham Tun Abdul Razak dengan disertai dari kiri ke kanan - En. Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Ketua Pengarah LPP, Y.B.M. Tengku Ahmad Rithauddeen, Pengerusi LPP, Tan Sri Abdul Kadir b. Shamsuddin, Ketua Setiausaha Negara dan Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Timbalan Pengerusi LPP sedang bertafakur dan menghadiahkan Al-fatihah ke atas roh Allahyarham Tun Dr. Ismail sejurus sebelum Majlis Pelancaran LPP pada 13 Ogos 1973 di Dewan Tunku Abdul Rahman.



6. Allahyarham Tun Abdul Razak diiringi oleh Y.B.M. Tengku Ahmad Rithauddeen b. Tengku Ismail, Pengerusi LPP, Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Timbalan Pengerusi LPP dan En. Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Ketua Pengarah LPP sedang keluar dari Dewan Tunku Abdul Rahman selepas Majlis Pelancaran LPP pada 13 Ogos 1973.




9. Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP, En. Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Ketua Pengarah LPP dan Allahyarham En. Abdullah b. Ujang, Pengarah Pembangunan semasa Majlis Perwakilan Persatuan Peladang Kebangsaan pada 22 Jun 1974 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.




10. Allahyarham Tun Abdul Razak sedang berucap semasa Hari Koperasi Antara Bangsa Yang Ke-53 pada 7 Julai 1975 di Dewan Tun Abdul Rahman. Pengenalan gambar dari kiri ke kanan - En. Ahmad Sarji b. Abdul Hamid Ketua Pengarah LPP, Datuk Ishak b. Hj. Pateh Akhir Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar dan Y.M. Profesor Ungku Abdul Aziz Yang Dipertua ANGKASA.



11. Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar dan En. Abdul Aziz b. Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa semasa Pelancaran Hari Peladang Kebangsaan pada 6 Ogos 1975 di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.



14. Penyampaian cenderamata oleh Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar kepada Allahyarham Tun Abdul Razak pada 6 Ogos 1975 di Bangunan Parlimen sempena perayaan Hari Peladang Kebangsaan. Cenderamata khas yang bermotifkan sains dan teknologi daripada masyarakat peladang.



15. Penyerahan Ikrar Hari Peladang oleh En. Maarof b. Hj. Amri, Peladang Jaya Kebangsaan 1975 kepada Allahyarham Tun Abdul Razak sempena perayaan Hari Peladang yang diadakan di Dewan Jamuan, Bangunan Parlimen pada 6 Ogos 1975.



18

18. Allahyarham Tun Abdul Razak diiringi oleh Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar dan En. Ahmad Sarji b. Abdul Hamid melawat gerai pameran hasil-hasil pertanian selepas merasmikan Hari Peladang pada 6 Ogos 1975 di perkarangan Bangunan Parlimen.

19. Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP melawat ke kediaman Tuan Hj. Kadir b. Yusof, Naib Johan Peladang Jaya Negeri Melaka.



19










22. Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan amanat semasa Mesyuarat Tindakan Pembangunan Koperasi, di Koperasi Peladang Merlimau.

23. Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar membuka tirai *plaque* merasmikan Pusat Kemajuan Peladang Kawasan Pokok Sena, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

24. Ahli Peladang dari Unit Peladang Penyabung, Pertubuhan Peladang Kawasan Mersing Utara, Johor menyambut kedatangan Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP semasa beliau melawat ke unit peladang tersebut.







29. Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Peng dan Tuan Hj. Khairi b. Mohamad, Ketua Pengarah LPP membincangkan perkembangan dan kemajuan peladang.




27. Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar semasa Majlis Pelancaran Buku Hijau di Pertubuhan Peladang Kawasan Beseri, Perlis.

28. Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menerima cenderahati daripada En. Mohamed Yusof b. Hj. Ab. Rahman, Pengarah LPP Negeri Melaka semasa Seminar Pemimpin Koperasi Peladang di Sekolah Menengah Sains Ayer Keroh, Melaka pada 16 April 1980.




30. Allahyarham Tun Hussein Onn dan Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan sijil dan hadiah kepada pemenang-pemenang Hari Peladang Kebangsaan pada 6 Ogos 1979 di Chetok, Kelantan.




31. Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar melawat projek tembakau yang diusahakan oleh ahli-ahli pertubuhan peladang di Negeri Kelantan.



35. Y.B. En. Anwar b. Ibrahim, Menteri Pertanian Malaysia dan Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh pihak media massa.



34. Y.B. En. Anwar b. Ibrahim, Menteri Pertanian Malaysia melawat gerai jualan barangan dan hasil pertubuhan peladang sempena Majlis Perasmian Bangunan Pertubuhan Peladang Kawasan Kuantan, Pahang pada 7 September 1985.

38. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP mendengar taklimat semasa beliau melawat Pertubuhan Peladang Kawasan Bachok Utara, Kelantan.

39. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar semasa Majlis Perjumpaan antara Y.B. En. Mohd. Kassim b. Ahmad, Timbalan Menteri Pertanian dengan LPP Negeri Pahang Darul Makmur.

40. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan amanat semasa Majlis Pemimpin Bersama Peladang Negeri Kelantan pada 3 Disember 1989.


38



40



39




44. Y.A.B. En. Abdul Ghafar b. Baba, Timbalan Perdana Menteri semasa Majlis Jihad Membasmi Kemiskinan pada 20 Jun 1990 yang diadakan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.




45 dan 46. Y.A.B. En. Abdul Ghafar b. Baba, Timbalan Perdana Menteri dan Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar melawat pameran Jihad Membasmi Kemiskinan yang diadakan.




48


49

48 dan 49. Y.B. Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Pertanian Malaysia dan Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP semasa Hari Peladang, Penternak dan Nelayan 1990 Peringkat Negeri Kedah yang diadakan di Kompleks Ladang MARDI Gajah Mati, Pokok Sena yang berlangsung dari 24 - 27 Julai 1990.



51



52




53

51. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan Sijil Anugerah Khidmat Cemerlang kepada anggota LPP yang berjaya.

52. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan cenderamata kepada Tuan Hj. Rashid b. Jasin, Timbalan Ketua Pengarah I sempena meraikan persaraan beliau.

53. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar semasa melancarkan Ekspedisi Mendaki Gunung Tahan sempena Hari Peladang dan Nelayan 1990.

58. Y.B. Datuk Seri Sanusi b. Junid, Menteri Pertanian menyampaikan amanat sempena Majlis Perasmian Kompleks Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Johor.







57. Y.B. Datuk Seri Sanusi b. Junid disambut oleh Dato' Khalid b. Hj. Husin dan anggota semasa Majlis Perasmian Kompleks Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Johor pada 25 Februari 1991.




59. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP menyampaikan cenderamata kepada Y.B. Datuk Seri Sanusi b. Junid, Menteri Pertanian Malaysia sempena Majlis Perasmian Kompleks Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Johor.




61




63

63. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar semasa Majlis Cahaya Mu Menerangi Kami sempena meraikan beliau menerima Darjah Panglima Setia Mahkota.

64. Dato' Khalid b. Hj. Hussin, Ketua Pengarah LPP dan En. Rosli b. Harun, Pengarah LPP Negeri Sembilan menyambut kehadiran Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar dan isteri semasa Malam Beralek Gadang sempena Perhimpunan Dwitahunan Anggota LPP di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 5 November 1991.



62

61 dan 62. Y.A.B. Tan Sri Dato' Othman b. Arof, Menteri Besar Kedah dan Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar semasa Majlis Perasmian Menggiatkan Unit Peladang pada 24 April 1991 di Pertubuhan Peladang Kawasan Baling, Kedah.



64



69


70

69 dan 70. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP dan Dato' Hj. Abdul Rashid b. Hj. Abdul Rahman, Pengerusi NAFAS semasa Majlis Menandatangani Perjanjian Kontrak Membekal Jentera Ladang Di antara LPP Dengan NAFAS di Ibu Pejabat LPP.

75 dan 76. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar semasa Majlis Malam Mesra LPP bersama Media Massa dan penyampaian Anugerah Sinar Peladang yang diadakan di Kuala Lumpur pada 4 Januari 1992.

77 dan 78. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar setiap tahun meluangkan masa untuk beramah mesra dengan anggota LPP sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 18 April 1992.



75



76


77



78



81



82



83

81 dan 82 dan 83. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar semasa Pertandingan Pianica Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Camar Rimba, Taman Pertanian Shah Alam pada 20 Ogos 1992 dan dirasmikan oleh Y.B. Datuk Seri Sanusi b. Junid, Menteri Pertanian Malaysia.

88 dan 89. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar semasa Majlis Perasmian Hari Terbuka PPK Bintong, Perlis yang diadakan pada 22 November 1992.




88




89



90



91

90 dan 91. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar mendengar taklimat daripada Pengarah LPP Negeri Sembilan sempena lawatan beliau ke LPP Negeri Sembilan pada 24 Disember 1992.




95



96

95 dan 96. Y.B. Datuk Seri Sanusi b. Junid dan Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-25 Pertubuhan Peladang yang diadakan di MATIC Kuala Lumpur pada 14 Februari 1993.



97

97 dan 98. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara dan Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar semasa Majlis Memperingati Pergerakan Pertubuhan Peladang sempena Ulang Tahun Ke-25 Pertubuhan Peladang pada 26 Februari 1993 yang diadakan di Pertubuhan Peladang Kawasan Padang Rengas, Perak.




98

# Tahun 1993



102



103

102. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar membuat kunjung hormat dan berbincang dengan Allahyarham Tun Said Keruak, Yang Di Pertua Negeri Sabah semasa beliau melawat Sabah pada 20 November 1993.




104

103. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan cenderamata kepada salah seorang pemimpin peladang semasa Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Negeri Sabah di Kota Kinabalu pada 21 November 1993.

104. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan sijil kursus kepada salah seorang ahli peladang yang mengikuti Kursus Asas Ahli Pertubuhan Peladang di Kg. Ghali Hilir, PPK Raub, Pahang.

108. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar melancarkan Logo Orkestra Peladang semasa Malam Mesra LPP bersama Media Massa pada 7 Februari 1994 yang berlangsung di Kuala Lumpur.




108



109



110

109. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan Anugerah Sinar Peladang kepada salah seorang anggota media massa semasa Malam Mesra LPP Bersama Media Massa.

110. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menunjukkan karikatur potret beliau kepada Puan Sri Datin Asmah binti Kasmijan yang dilukis oleh kartunis dari Syarikat Karangkraf pada 7 Februari 1994.



114

114. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara di *plaque* perasmian perkedaian peladang PPK Alor Gajah, Melaka pada 1 Mei 1994 sambil diperhatikan oleh Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP dan Allahyarham Tuan Hj. Abdullah b. Idris, Pengerusi Jemaah Pengarah PPK Alor Gajah.




115

115. Para tetamu jemputan khas PPK Alor Gajah semasa Majlis Perasmian Perkedaian Peladang PPK Alor Gajah.



116

116. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. H. Abdul Jabar menyampaikan amanat semasa Majlis Perasmian Perkedaian Peladang PPK Alor Gajah.





120. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara menerima Pingat Perdana Menteri sempena sambutan Jubli Perak Pertubuhan Peladang daripada Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP di Melaka pada 1 Mei 1994.



121. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menjulang Buku *Irama Lagu P. Ramlee, Lagu Filem 1948 - 1960* yang dihadiahkan oleh Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara untuk kegunaan Orkestra Peladang pada 1 Mei 1994 di Melaka.

122. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP membelek Buku *Payung Peladang* selepas Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji b. Abdul Hamid melancarkannya pada 30 April 1994 sempena Malam Khidmat Cemerlang LPP di Melaka.

126, 127 dan 128. Tempat-tempat yang dilawati oleh Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar berserta rombongan di Indonesia.










132



133

132 dan 133. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar disambut oleh anggota LPP pada Malam Sejambak Kasih pada 16 September 1994 sempena Majlis Perpisahan Tuan Hj. Pahamin b. A. Rajab, Ketua Pengarah LPP yang diadakan di Subang, Selangor.


134


135

134. Puan Sri Datin Asmah binti Kasmijan, Puan Hjh. Zainab binti Mohamad dan Puan Rohana binti Johar adalah tetamu pada Malam Sejambak Kasih.

135. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar dan tetamu undangan pada Malam Sejambak Kasih.


138



139


140


141

138, 139, 140 dan 141. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP, Dato' Hj. A. Rahim b. Rahmat, Ketua Pengarah LPP dan Dato' Yusa b. Hj. Nawawi, Timbalan Pengerusi LPP semasa Majlis Perjumpaan Pengerusi-Pengerusi dan Pengurus-Pengurus Besar Pertubuhan Peladang di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor pada 17 September 1994.




144



145

146 dan 147. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP menyaksikan Memorandum Persefahaman antara Pertubuhan Peladang Negeri Selangor dengan Salak Park Development Sdn. Bhd. pada 29 Oktober 1994 di Subang Jaya, Selangor.

144 dan 145. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP menyampaikan amanat semasa Majlis Perasmian Bangunan Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan Batu Kurau, Perak pada 4 Oktober 1994.




146




147



152. Tetamu dan Ahli Perwakilan NAFAS yang hadir semasa Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan NAFAS Kali Ke-21 yang diadakan pada 20 Disember 1994 di Kuala Lumpur.



153. Dato' Hj. Abdul Rashid b. Abdul Rahman, Pengerusi NAFAS menyampaikan ucapan semasa Mesyuarat Agung Perwakilan NAFAS Kali Ke-21.

158. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan amanatnya kepada anggota LPP sempena Majlis Perjumpaan Y.B. Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Pertanian dengan Anggota LPP pada 27 Disember 1994 di Langkawi, Kedah.

159. Anggota LPP yang mendengar mandat yang disampaikan oleh Y.B. Datuk Seri Sanusi b. Junid, Menteri Pertanian dan Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP.




158



159



160




161

160. Y.B. Datuk Seri Sanusi b. Junid, Menteri Pertanian dan Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP melihat model bangunan Institut Pengurusan Pertubuhan Peladang selepas Majlis Pecah Tanah Pembinaan Institut Pengurusan Pertubuhan Peladang.

161. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan amanatnya sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Pengarah-Pengarah LPP Kali Ke-3/94 pada 27 Disember 1994 di Langkawi, Kedah.




165. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada salah seorang anggota LPP sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang LPP tahun 1995 pada 18 Mac 1995 di Dataran Selasih, Ibu Pejabat LPP.




166. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan amanatnya semasa Majlis Perkhidmatan Cemerlang LPP Tahun 1995.




167. Anggota LPP yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bersama-sama dengan Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar.



172. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyambut ketibaan Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Ramli b. Ngah Talib, Menteri Besar Perak sempena Majlis Perasmian Rumah Perak di Kampung Idaman, Taman Pertanian Malaysia, Shah Alam pada 29 Mac 1995.



173. Para tetamu yang hadir sempena perasmian Rumah Perak di Kampung Idaman, Taman Pertanian Malaysia, Shah Alam, Selangor.




177. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan cenderamata kepada Y.B. Datuk Seri Sanusi b. Junid, Menteri Pertanian Malaysia sempena Majlis Perasmian Kempen Amanah Saham Peladang yang diadakan di Langkawi, Kedah pada 23 April 1995.

178. Para tetamu yang hadir sempena Majlis Perasmian Kempen Amanah Saham Peladang yang diadakan.







179. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan amanat semasa Majlis Perasmian Kempen Amanah Saham Peladang Peringkat Negeri Pahang yang diadakan pada 19 Jun 1995 di Kuantan, Pahang.



183. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar membuka tirai *plaque* merasmikan Peladang Inn Tioman, Pulau Tioman, Pahang iaitu pusat latihan dan tempat penginapan pada 26 Jun 1995.



185. Salah sebuah *chalet* Peladang Inn Tioman bagi kemudahan penginapan pengunjung dan pelancong.



184. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar dan Dato' Hj. A. Rahim b. Rahmat melawat persekitaran Peladang Inn Tioman.

190. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan amanatnya semasa Majlis Perasmian Rumah Peladang Kampung Idaman, di Taman Pertanian Malaysia, Shah Alam pada 14 Oktober 1995.

191. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar membuka tirai *plaque* merasmikan Rumah Peladang Kampung Idaman, di Taman Pertanian Malaysia sambil diperhatikan oleh Dato' Hj. A. Rahim b. Rahmat, Ketua Pengarah LPP.



190


191


192


193

192 dan 193. Setelah merasmikan Rumah Peladang Kampung Idaman, Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar dan isteri turut serta meraikan Hari Keluarga LPP Peringkat Ibu Pejabat yang diadakan di Camar Rimba, Taman Pertanian Malaysia, Shah Alam.



197. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan amanatnya semasa Majlis Penyampaian Tiket Kapal Terbang kepada pemenang-pemenang sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan pada 14 Disember 1995 di Bilik Gerakan Ibu Pejabat LPP.




198. En. Jamaludin b. Lawani, Peladang Jaya Kebangsaan 1995 menerima tiket kapal terbang daripada Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar.




199. Para pemenang sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1995 bergambar dengan Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar.

203. Y.B.M. Dato' Dr. Tengku Mahmud Mansor, Timbalan Menteri Pertanian bersama-sama tetamu kehormat NAFAS semasa Majlis Perasmian Mesyuarat Agung NAFAS Kali Ke-22.










204. Y.B.M. Dato' Dr. Tengku Mahmud b. Mansor, Timbalan Menteri Pertanian menyampaikan dermasiswa dari Tabung Yayasan Peladang kepada salah seorang anak ahli peladang yang berjaya dalam peperiksaan.

205. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyerahkan *mock up cek* bernilai RM100,000.00 kepada Dato' Hj. Abd. Rashid b. Hj. Abd. Rahman, Pengerusi NAFAS semasa Majlis Perasmian Mesyuarat Agung NAFAS Kali Ke-22 pada 26 Disember 1995 di Kuala Lumpur.



207. Y.B. Datuk Amar Dr. Sulaiman b. Hj. Daud dan Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar di depan *lobby* LPP.



208. Y.B. Datuk Amar Dr. Sulaiman b. Hj. Daud, Menteri Pertanian Malaysia mendengar taklimat mengenai LPP daripada Dato' Hj. A. Rahim b. Rahmat, Ketua Pengarah LPP di Bilik Gerakan LPP, Aras 3.



212. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar bersama-sama tetamu kehormat semasa Majlis Pelancaran Gerak Kerja Pembangunan Unit Peladang Kubang Chenok, Pertubuhan Peladang Kawasan Chetok pada 14 April 1996 di Padang Sekolah Kebangsaan Kubang Chenok, Kelantan.

213. Y.B.M. Dato' Dr. Tengku Mahmud b. Mansor, Timbalan Menteri Pertanian membuka tirai *plaque* merasmikan Majlis Pelancaran Gerak Kerja Pembangunan Unit Peladang Kubang Chenok, Pertubuhan Peladang Kawasan Chetok, Kelantan.





214. Tuan Hj. Idris b. Ismail, Pengerusi Jemaah Pengarah, Pertubuhan Peladang Kawasan Chetok, Kelantan menyampaikan cenderamata kepada Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar.

219. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP menyampaikan amanatnya kepada Pengerusi-Pengerusi Pertubuhan Peladang di Negeri Pahang dan anggota LPP.







218. Dato' Hj. Abd. Rashid b. Abd. Rahman, Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) menyampaikan cenderamata kepada Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar sempena Jamuan Makan Malam Bersama Ahli-ahli Lembaga, Lembaga Pertubuhan Peladang anjuran PASFA pada 22 April 96 di Kuantan.




220. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menanam pokok kelapa sawit di ladang UMNO di Batu 14 Gambang yang diuruskan oleh Pertubuhan Peladang Negeri Pahang sempena lawatan Ahli-ahli Lembaga LPP ke ladang tersebut pada 22 April 1996.




224. Y.B. Datuk Amar Dr. Sulaiman b. Hj. Daud, Menteri Pertanian Malaysia dan Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar semasa Majlis Perasmian Perhimpunan Dwitahunan Anggota LPP 1996 pada 7 Jun 1996 di Dewan Sri Sura Institut Teknologi MARA Cawangan Terengganu.




225. Y.B. Datuk Amar Dr. Sulaiman b. Hj. Daud memukul gong melancarkan Perhimpunan Dwitahunan Kali Ke-8 Anggota LPP yang diadakan di ITM Cawangan Terengganu pada 6 - 9 Jun 1996.




226. Datuk Dr. Abdullah b. Abdul Rahman, Ketua Pengarah MAMPU, Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP dan Dato' Hj. A. Rahim b. Rahmat, Ketua Pengarah LPP semasa Majlis Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang LPP 1996 yang diadakan sempena Perhimpunan Dwitahunan Anggota LPP.

231. Datuk Abdul Halim b. Ali, Ketua Setiausaha Negara disambut oleh Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar dan Dato' Hj. A. Rahim b. Rahmat semasa Majlis Anugerah Kualiti LPP pada 15 November 1996 di Kuala Lumpur.













232. Dato' Hj. A. Rahim b. Rahmat menyerahkan Piala Kualiti Ketua Setiausaha Negara dan Piala Piagam Pelanggan Terbaik bagi kategori Badan Berkanun Persekutuan yang dimenangi oleh LPP kepada Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar sempena Majlis Anugerah Kualiti LPP.

233. Datuk Abdul Halim b. Ali, Ketua Setiausaha Negara menyampaikan Anugerah Kualiti LPP bagi kategori Pengurusan Kaunter Terbaik Tempat Ketiga kepada Mohd. Bohari b. Mohd. Jusoh, Pengurus Besar, Pertubuhan Peladang Kawasan Bachok Utara, Kelantan.

234. Tan Sri Dato' Hj. Mustapha b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan cenderamata khas Sinar Peladang kepada anggota media massa.




237




238

237. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar mempengerusikan Mesyuarat Lembaga LPP Kali Ke-130 yang diadakan di LPP Negeri Melaka pada 25 Mei 1997.

238. En. Kamalrul Badri b. Mat Ali, Pengarah LPP Melaka menyampaikan hamper berisi hasil-hasil pertanian keluaran pertubuhan peladang dan ahli peladang kepada Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar sempena Mesyuarat Lembaga LPP Kali Ke-130.

241. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan ucapannya semasa Majlis Jamuan Makan Malam sempena meraikan lawatan rasmi Ahli Lembaga LPP ke Negeri Sarawak pada 16 Jun 1996 di Kuching, Sarawak.

242. Tan Sri Datuk Amar Alfred Jabu Anak Numpang, Timbalan Ketua Menteri Sarawak menerima cenderamata daripada Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar sempena Majlis Jamuan Makan Malam sempena meraikan Ahli Lembaga LPP ke Negeri Sarawak.










243. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar membuat kunjung hormat ke Pejabat Y.A.B. Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Hj. Abdul Taib b. Mahmud, Ketua Menteri Sarawak di Tingkat 22, Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya, Kuching, pada 16 Jun 1997.




244. Ahli-ahli Lembaga LPP bergambar dengan Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Abdul Taib b. Mahmud, Ketua Menteri Sarawak.



## *Kata Alu-aluan*
## Ketua Pengarah
## Lembaga Pertubuhan Peladang

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dapat menerbitkan buku bergambar yang diberi nama ***Memoir Bapa Pembangunan Peladang***.

Buku ini merupakan koleksi gambar-gambar Y. Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa bin Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP sejak mula beliau menerajui LPP pada 1 September 1973 hinggalah sekarang. Tujuan buku ini diterbitkan adalah bagi mengenang jasa-jasa Y. Bhg. Tan Sri selama beliau di LPP dan juga sebagai sumber rujukan generasi rakyat Malaysia akan datang.

Saya bagi pihak warga kerja LPP dan seluruh peladang melalui buku ini ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Y. Bhg. Tan Sri kerana dengan kepimpinan Tan Sri LPP menerima banyak sanjungan dan penghormatan daripada masyarakat dan berbagai anugerah diterima daripada kerajaan.

Kita berharap Y. Bhg. Tan Sri akan terus membimbing kita ke arah kemajuan Pertubuhan Peladang dan para peladang seluruh negara bagi menghadapi alaf akan datang. Semoga segala usaha murni kita akan sentiasa mendapat rahmat dan diberkati Allah S.W.T.

Sekian.

**DATO' HJ. A. RAHIM BIN RAHMAT**

## KANDUNGAN


| BIL | TAHUN | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 1 | Sebelum 1973 | 1 |
| 2 | 1973 - 1974 | 2 - 4 |
| 3 | 1974 - 1975 | 4 - 9 |
| 4 | 1975 - 1976 | 9 - 10 |
| 5 | 1976 - 1978 | 10 - 11 |
| 6 | 1979 - 1982 | 12 - 13 |
| 7 | 1983 - 1985 | 14 - 15 |
| 8 | 1985 - 1989 | 15 - 17 |
| 9 | 1990 - 1991 | 18 - 25 |
| 10 | 1991 - 1992 | 25 - 30 |
| 11 | 1992 - 1993 | 30 - 40 |
| 12 | 1993 - 1995 | 40 - 50 |
| 13 | 1995 - 1996 | 50 - 72 |
| 14 | 1996 - 1997 | 72 - 83 |
| 15 | 1997 | 83 - 85 |

# Biodata Tan Sri Dato' Hj. Mustafa Bin Hj. Abdul Jabar

**Latar Belakang**

Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar dilahirkan pada tahun 1922 di Kampung Sungai Air Tawar, Sabak Bernam, Selangor. Anak jati Selangor ini ialah anak kedua daripada dua orang adik beradik. Ibu dan bapa beliau berasal dari Indonesia dan berketurunan Jawa yang terkenal memiliki sifat-sifat rajin, tekun dan cekal, memulakan penghidupan di Malaysia dengan membuka dan mengusaha tanah pertanian di Sabak Bernam.

Beliau daripada kanak-kanak hingga remaja terdidik dalam suasana desa yang berpegang teguh dengan ajaran agama dan amat prihatin terhadap institusi kekeluargaan yang mementingkan sifat-sifat terpuji, seperti tolong menolong dan bantu membantu antara satu sama lain. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sabak Bernam dan menimba dan mendalami ilmu agama dengan mengaji pondok di Alor Star, Kedah. Sebagai anak tunggal lelaki dalam keluarga, beliau bersama kakaknya tidak terkecuali membantu ibu bapanya di ladang dan di bendang. Bermula daripada kehidupan desa inilah cintanya bersemi dan kasihnya tumpah menjadi peladang. Maka tidak hairanlah beliau sentiasa insaf, mengerti dan mengetahui akan susah senang kehidupan masyarakat peladang. Malah hingga pada saat ini beliau masih tidak jemu-jemu memperjuangkan dan membangunkan masyarakat peladang.

**Pejuang Kemerdekaan**

Kesedaran terhadap perjuangan membela agama dan bangsa, menyebabkan beliau terlibat dalam pergerakan ke arah mencapai kemerdekaan dengan menyertai pergerakan politik Melayu di Selangor. Pemimpin yang bertanggungjawab membawa beliau kepada perjuangan mulia ini ialah Allahyarham Pendita ZAABA. Penglibatan aktif beliau dalam perjuangan kemerdekaan bermula pada tahun 1945, iaitu semasa penjajah British membawa gagasan Malayan Union. Sebagai salah seorang ahli jawatankuasa Persatuan Melayu Selangor ketika itu beliau telah bersama-sama menentang gagasan tersebut. Beliau meniupkan semangat orang-orang Melayu supaya berjuang menentang Malayan Union melalui mesej **'Kasihkan Tanah Air Adalah Sebahagian Daripada Iman'.** Mesej inilah yang selalu beliau sampaikan sewaktu menjadi khatib di Masjid Rahmaniah, Sg. Air Tawar, Sabak Bernam, Selangor dan mesej ini jugalah yang beliau sampaikan semasa pertemuan dan perjumpaan dengan orang ramai

Ekoran Gagasan Malayan Union ini, persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan Melayu telah bergabung untuk menubuh sebuah kongres bagi memantapkan penentangan terhadap gagasan Malayan Union dan menangani masalah yang melanda negeri dan Bangsa Melayu. Beberapa siri Kongres Melayu telah diadakan dan Tan Sri Dato' Haji Mustafa terlibat dalam Kongres Melayu Pertama pada 1 hingga 4 Mac 1946, Kongres Melayu Kedua pada 29 dan 30 Mac 1946 dan Kongres Melayu Ketiga pada 11 dan 12 Mei 1946 yang membawa kepada penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO. Antara tugas-tugas yang beliau lakukan dalam kongres tersebut ialah sebagai jurutulis yang mencatatkan segala keputusan yang dibuat. Beliau juga telah diarahkan mengatur tunjuk perasaan di Station Hotel, Kuala Lumpur bagi menahan Raja-raja Melayu daripada menghadiri upacara perlantikan Gabenor Malayan Union pada 1 April 1946.

**Menceburi Bidang Politik**

Selepas UMNO ditubuhkan pada 11 Mei 1946, Tan Sri Dato' Haji Mustafa dengan inisiatif sendiri dan disokong oleh beberapa rakan telah menubuhkan UMNO Bahagian Sabak Bernam yang berpejabat di Bilik Bacaan kampung Sungai Air Tawar. UMNO yang ditubuhkan oleh beliau ini merupakan UMNO yang pertama ditubuhkan di Negeri Selangor.

Dalam pilihanraya tahun 1955, Tan Sri Dato' Haji Mustafa bertanding mewakili UMNO dan memenangi kerusi Dewan Undangan bagi Kawasan Sabak Bernam dan menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor. Seterusnya dalam pilihanraya kedua pada tahun 1959, Tan Sri Dato' Haji Mustafa telah terpilih sekali lagi menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor bagi kawasan yang sama. Kali ini beliau dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan ditugaskan sebagai Pengerusi Pertanian dan Agama. Pada tahun 1964, beliau menjadi Ahli Parlimen setelah memenangi pilihanraya Kawasan Parlimen Sabak Bernam.

**Jawatan-jawatan Yang Disandang**

Penglibatan dan kepimpinan Tan Sri Dato' Hj. Mustafa dalam politik dan kemasyarakatan memang terserlah dan menonjol. Pada tahun 1968, beliau diberi kepercayaan menjawat jawatan Timbalan Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP) dan Timbalan Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA).



**Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar (P.S.M., S.P.M.S., D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P), Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang.**

Tahun 1973




3. En. Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Ketua Pengarah LPP dari 21 Februari 1973 hingga 30 April 1979.




4. Allahyarham Tun Abdul Razak diiringi oleh Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar melawat gerai hasil-hasil pertanian di Pekan Sehari Sungai Besar, Sabak Bernam pada 29 Mac 1973.




7. Allahyarham Tun Abdul Razak sedang berucap merasmikan Persidangan Majlis Perwakilan Persatuan Peladang Kebangsaan pada 22 Jun 1974. Di sebelah Allahyarham Tun Abdul Razak ialah Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP.



8. Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Y.B.M. Tengku Ahmad Rithauddeen b. Tengku Ismail dan Y.B. Tan Sri Ghazali b. Jawi semasa Majlis Perwakilan Persatuan Peladang Kebangsaan pada 22 Jun 1974.




12

12. Y.A.B. Dato' Hj. Mohamad b. Nasir, Menteri Besar Kelantan sedang mencuba traktor Fiat yang dibekalkan oleh LPP untuk LPP Negeri Kelantan pada 30 Oktober 1974. Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP dan En. Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Ketua Pengarah LPP memerhatikannya.



13

13. Allahyarham Tun Abdul Razak dan Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar melawat gerai pameran LPP Kelantan sempena Pesta Kebudayaan Negeri Kelantan pada 16 Julai 1975.

16. Y.A.B. Dato' Wan Mokhtar b. Ahmad, Menteri Besar Terengganu membuka *plaque* merasmikan bangunan pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan Kemaman sambil diperhatikan oleh Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP.

17. Allahyarham Tun Abdul Razak menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang Hari Peladang Kebangsaan 1975 di perkarangan Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.



17



16

20. Upacara penyampaian empat buah traktor kepada empat buah Koperasi Peladang di Negeri Melaka oleh Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP pada 15 Jun 1976.

21. Y.A.B. Tan Sri Dato' Hj. Osman b. Saat, Menteri Besar Johor dan Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar melawat gerai pameran hasil-hasil pertanian sempena Hari Peladang Kebangsaan 1976 yang diadakan di Muar, Johor.



20



21




25. Tuan Hj. Khairi b. Mohamad, Ketua Pengarah LPP dari 1 Mei 1979 hingga 30 Jun 1983.




26. Allahyarham Tun Hussein Onn menyampaikan hadiah kepada Peladang Jaya Wanita Kebangsaan semasa Hari Peladang Kebangsaan pada 6 Ogos 1979 di Chetok, Kelantan.



32. Allahyarham En. Abdullah b. Ujang, Ketua Pengarah LPP dari 1 Julai 1983 hingga 30 September 1985.



33. Y.B. Dato' Manan b. Othman, Menteri Pertanian Malaysia mendengar penerangan mengenai LPP daripada Y.B. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar.



36. D.Y.M.M. Sultan Hj. Ahmad Shah Al Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, Sultan Pahang melawat gerai pameran hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh masyarakat peladang semasa Perasmian Bangunan Pertubuhan Peladang Kawasan Raub, Pahang pada 6 Jun 1989.

37. Dato' Khalid b. Hj. Husin, Ketua Pengarah LPP dari 16 Oktober 1985 hingga 31 Ogos 1992.



41. Y.A.B. Dato' Hj. Mohd. Isa b. Abd. Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan berucap semasa merasmikan Kempen Kesediaan Pertubuhan Peladang Berdikari, Peringkat Negeri Sembilan Darul Khusus di Dewan Orang Ramai Bagan Pinang, Port Dickson, Negeri Sembilan.



41


42


43

42 dan 43. Y.A.B. Dato' Hj. Mohd. Isa b. Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus dan Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar melawat gerai pameran sempena Kempen Kesediaan Pertubuhan Peladang Berdikari Peringkat Negeri Sembilan.




47

47. Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Ramli b. Ngah Talib, Menteri Besar Perak semasa Majlis Perasmian Kempen Kesediaan Pertubuhan Peladang Berdikari 1990 Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan yang berlangsung pada 12 - 15 Julai 1990 di Dewan St. John Ambulance, Ipoh, Perak.




50. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar bersama-sama dengan anggota LPP yang menerima Anugerah Khidmat Cemerlang pada tahun 1990.




54. Y.A.B. Tan Sri Muhyiddin b. Mohd. Yassin, Menteri Besar Johor merasmikan Kempen Kesediaan Pertubuhan Peladang Berdikari Peringkat Negeri Johor pada 24 Februari 1991 di Dewan Jubli Intan, Johor Bahru.




56. Y.A.B. Tan Sri Muhyiddin b. Mohd. Yassin melawat gerai kraftangan sempena Kempen Pertubuhan Peladang Berdikari peringkat Negeri Johor.




55. Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP dan Y.A.B. Tan Sri Muhyiddin b. Mohd. Yassin melawat gerai pameran yang dijalankan oleh ahli peladang.



60. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP menyampaikan *hamper* berupa hasil-hasil pertanian keluaran pertubuhan peladang dan ahli peladang kepada Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara selepas beliau merasmikan Kedai Peladang di Aras 5, Ibu Pejabat LPP.

65. Majlis persandingan turut diadakan bagi memeriahkan lagi Malam Beralek Gadang yang diadakan sempena Perhimpunan Dwitahunan Anggota LPP yang diadakan di Port Dickson pada 5 November 1991.

66. Hj. Yaacob b. Hj. Bakri, Pengurus Besar PPK Sabak Bernam dipilih sebagai Pengurus Besar Cemerlang. Hadiah disampaikan oleh Tuan Hj. A. Rahim b. Rahmat, Timbalan Ketua Pengarah LPP sempena Perhimpunan Dwitahunan Anggota LPP yang diadakan di Port Dickson, Negeri Sembilan.




65




67



66



68

67 dan 68. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar semasa Majlis Makan Malam Persidangan Pemimpin Pertubuhan Peladang Ke Arah Wawasan 2020 yang diadakan di Universiti Pertanian Malaysia pada 16 Disember 1991.







71. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP semasa Bengkel Pengurusan dan Peningkatan Kualiti dan Produktiviti Dalam Perkhidmatan Awam. Bengkel ini anjuran bersama Intan dan LPP yang dirasmikan oleh Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara yang diadakan di Genting Highlands pada 16 Disember 1991.

72. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar semasa Majlis Sambutan Hari Jadi Anak-anak Angkat Pertubuhan Peladang (PP) Berdikari dan Penyerahan Pianica kepada PPK pada 4 Januari 1992 yang diadakan di Dataran Selasih, Aras 5, Ibu Pejabat LPP.







73. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan cenderamata kepada anak angkat PP Berdikari.

74. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar bersama-sama dengan anak-anak angkat PP Berdikari dan penjaganya.




79. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan amanat semasa Majlis Perasmian Pusat Kemajuan Peladang Gombak & Petaling dan Pelancaran Barangan Jenama Peladang SUCI di PPK Gombak & Petaling pada 18 Mei 1992.



80. Y.B. Datuk Seri Sanusi b. Junid, Menteri Pertanian Malaysia melancarkan barangan jenama Peladang SUCI pada 18 Mei 1992.






87. En. Pahamin A. Rajab, Ketua Pengarah LPP dari 1.9.92 hingga 31.8.94.

84. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, menyampaikan amanat semasa Majlis Makan Malam Perpisahan Ketua Pengarah LPP pada 7 September 1992.

85. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar bersama Dato' Khalid b. Hussin Sempena Majlis Makan Malam Perpisahan Ketua Pengarah LPP pada 7 September 1992.

86. Dato' Khalid b. Hj. Hussin, Ketua Pengarah LPP menunjukkan cenderamata yang diterima kepada Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar sempena meraikan perpisahan beliau.







92. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar membelek buah kopi semasa beliau melawat ladang kopi PPK Pilah di Kampung Batang Pilah, Kuala Pilah pada 24 Disember 1992.

93. Tuan Hj. Jamaluddin b. Idris, Pengerusi Jemaah Pengarah PPK Pilah menyampaikan cenderamata kepada Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar sempena lawatan beliau di ladang kopi PPK Pilah, di Kampung Batang Pilah, Kuala Pilah pada 24 Disember 1992.





94. Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir b. Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Sanusi b. Junid, Menteri Pertanian Malaysia, Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP dan En. Pahamin A. Rajab, Ketua Pengarah LPP selepas Majlis Pelancaran Dasar Pertanian Negara pada 1 Februari 1993 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.




99. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan amanat semasa Majlis Perasmian Kilang Kapur Pertanian Pertubuhan Peladang Negeri Perlis yang berlangsung di Kawasan Perindustrian Gopeng, Bukit Ketri, Perlis pada 17 Jun 1993.



100. Y.B. Datuk Seri Sanusi b. Junid, Menteri Pertanian Malaysia menyampaikan hadiah saham terbanyak kepada Siti Junaina binti Kasio semasa Mesyuarat Agung PPK Melaka Tengah pada 25 Julai 1993 di Ayer Keroh, Melaka.



101. Y.B. Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Pertanian Malaysia, Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP dan Tuan Hj. A. Rahim b. Rahmat, Timbalan Ketua Pengarah LPP semasa Majlis Penerangan Dasar Pertanian Negara di Taman Pertanian Malaysia, Shah Alam, Selangor pada 20 Julai 1993.



105

105. Y.B. Datuk Seri Sanusi b. Junid, Menteri Pertanian Malaysia dan Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar semasa Mesyuarat Agung NAFAS yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 20 Disember 1993.

106. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP menyerahkan kenderaan *twin cabin* kepada Datu Liman b. Datu Hussin, Pengerusi PPK Kota Marudu, Sabah pada 1 Februari 1994.



106



107

107. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar bergambar beramai-ramai selepas menyerah kenderaan *twin cabin* dan traktor 4 roda kepada PPK di Sabah pada 1 Februari 1994.

111. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar semasa sidang akhbar dengan pihak media massa sebelum melepaskan rombongan anggota media massa melawat ke projek-projek pertubuhan peladang dan ahli peladang.


111



113

112. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar melepaskan rombongan anggota media massa untuk melawat ke projek-projek yang dijalankan oleh pertubuhan peladang dan ahli peladang.

113. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP dan Tuan Hj. A. Rahim b. Rahmat, Timbalan Ketua Pengarah LPP semasa perasmian Kursus Budaya Niaga.


112



117. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara dan Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar melihat barangan yang terdapat di dalam Pasar Mini Peladang PPK Alor Gajah selepas Majlis Perasmian Perkedaian Peladang PPK Alor Gajah pada 1 Mei 1994.



118. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara melawat gerai makanan yang terdapat di Perkedaian Peladang PPK Alor Gajah.




119. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara dan Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar berbincang sesuatu mengenai perkedaian peladang PPK Alor Gajah.

Tahun 1994



123



125



124

123, 124 dan 125. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP berserta rombongan melawat Indonesia.




129. Y.A.B. Tan Sri Dato' Muhyiddin b. Yassin, Menteri Besar Johor semasa Majlis Perasmian Rumah Peladang Johor di Kampung Idaman, Taman Pertanian Malaysia, Shah Alam, Selangor pada 19 Julai 1994.




130. Y.A.B. Tan Sri Dato' Muhyiddin b. Yassin, Menteri Besar Johor dan Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menikmati jamuan di dalam Rumah Peladang Johor di Taman Pertanian Malaysia.




131. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP menyambut ketibaan Y.A.B. Tan Sri Muhyiddin b. Yassin, Menteri Besar Johor di Kampung Idaman, Taman Pertanian Malaysia, Shah Alam, Selangor.

# Tahun 1994




136. Majlis penyerahan tugas Ketua Pengarah LPP antara Tuan Hj. Pahamin b. A. Rajab dengan Tuan Hj. A. Rahim b. Rahmat dan disaksikan oleh Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP pada 5 September 1994 di Bilik Gerakan, Ibu Pejabat LPP.



137. Dato' Hj. A. Rahim b. Rahmat, Ketua Pengarah LPP dari 1 September 1994 hingga...




142

142. Dato' Hj. A. Rahim b. Rahmat, Ketua Pengarah LPP menyambut ketibaan Y.B. Dr. T. Marimuthu, Timbalan Menteri Pertanian yang membuat lawatan ke Ibu Pejabat LPP pada 26 September 1994.



143

143. Y.B. Dr. T. Marimuthu, Timbalan Menteri Pertanian mendengar taklimat mengenai perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh LPP di Bilik Gerakan LPP.

148. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan amanatnya semasa Majlis Hari Kualiti Pertubuhan Peladang pada 1 November 1994 di Kuala Lumpur.

149. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar melancarkan Logo Pertubuhan Peladang Berkualiti.

150. Tuan Hj. Bukhari b. Mohd. Sawi, Pengurus Besar NAFAS, menerima hadiah Pertubuhan Peladang Berkualiti daripada Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar.




148



150




149



151

151. Tetamu yang hadir sempena Majlis Pertubuhan Peladang Berkualiti yang diadakan di Kuala Lumpur pada 1 November 1994.

## Tahun 1994




154



155

156. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP dan tetamu kehormat semasa Majlis Pecah Tanah Pembinaan Institut Pengurusan Pertubuhan Peladang yang disempurnakan oleh Y.B. Datuk Seri Sanusi b. Junid, Menteri Pertanian pada 27 Disember 1994 di Langkawi, Kedah.

157. Y.B. Datuk Seri Sanusi b. Junid, Menteri Pertanian menerima cenderamata daripada Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar.

154. Pegawai-pegawai Perhubungan Awam LPP bersama Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar semasa Majlis Perjumpaan Y. Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar dengan Pegawai Perhubungan Awam pada 26 Disember 1994 di Langkawi, Kedah.

155. Pegawai Perhubungan Awam LPP mendengar mandat yang diberikan oleh Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar.




156



157

162. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar bersama-sama dengan tetamu kehormat semasa Majlis Pelancaran Skim Sewa Pajak Tanpa Faedah yang dilancarkan oleh Y.B. Datuk Seri Sanusi b. Junid, Menteri Pertanian pada 10 Mac 1995 di Langkawi, Kedah.



162



163

163. Y.B. Datuk Seri Sanusi b. Junid, Menteri Pertanian memotong reben untuk menyerahkan lori kepada pertubuhan peladang yang membelinya di bawah Skim Sewa Pajak Tanpa Faedah.

164. Tetamu yang hadir sempena Majlis Pelancaran Skim Sewa Pajak Tanpa Faedah yang dianjurkan oleh LPP pada 10 Mac 1995 di Langkawi, Kedah.


164



168


169


170


171

168, 169, 170 dan 171. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar semasa Mesyuarat Khas Pembangunan Manusia Asas Kampung (PMAK) Fasa 1 yang diadakan di Langkawi, Kedah pada 24 - 28 Mac 1995.

175. Allahyarham Datuk Hj. Mohd. Zin b. Hj. Ab. Ghani, Ketua Menteri Melaka bersama-sama tetamu kehormat semasa Majlis Pemimpin Bersama Peladang sempena Perasmian Graha Peladang, Pertubuhan Peladang Negeri Melaka pada 16 April 1995.




174. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar berucap semasa Majlis Pemimpin Bersama Peladang sempena Pelancaran Projek Pertanian Komersil yang dirasmikan oleh Y.A.B. Dato' Sri Mohd. Khalil b. Yaakob, Menteri Besar Pahang pada 20 April 1995 di Kuantan, Pahang.






176. Allahyarham Datuk Hj. Mohd. Zin b. Hj. Ab. Ghani bersama-sama tetamu selepas menarik *plaque* merasmikan Graha Peladang, Pertubuhan Peladang Negeri Melaka.

180. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan ucapan sempena Mesyuarat Agung Tahunan Pertama Permodalan Peladang Berhad yang dirasmikan oleh Y.B. Datuk Amar Dr. Sulaiman b. Hj. Daud, Menteri Pertanian Malaysia pada 22 Jun 1995 di Petaling Jaya, Selangor.



180


181

181. Anggota LPP dan tetamu yang hadir semasa Mesyuarat Agung Pertama Permodalan Peladang Berhad.


182

182. Y.B. Datuk Dr. Sulaiman b. Hj. Daud, Menteri Pertanian Malaysia dan Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar berbincang mengenai Permodalan Peladang Berhad di Petaling Jaya, Selangor.


186



187

186. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar disambut oleh anggota LPP semasa Malam Jasamu Dikenang sempena meraikan anggota LPP yang bersara. Majlis ini diadakan di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor pada 27 September 1996.

187. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan amanatnya semasa Malam Jasamu Dikenang sempena meraikan anggota LPP yang bersara wajib dan pilihan.


188


189

188, 189. Anggota LPP yang bersara menerima cenderamata daripada Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar.

194. Dato' Hj. A. Rahim b. Rahmat, Ketua Pengarah LPP mengetuai lafaz ikrar sempena Hari Kualiti LPP 1995 yang dirasmikan oleh Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar pada 1 November 1995 di Dataran Selasih, Aras 5, Ibu Pejabat LPP.




194



195

195. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menerima Sijil Anugerah Khas Perkhidmatan Awam 1995 iaitu bagi kategori Pengurusan Projek yang dimenangi oleh LPP daripada Dato' Hj. A. Rahim b. Rahmat, Ketua Pengarah LPP.



196

196. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menerima Piala Anugerah Khas Perkhidmatan Awam 1995 bagi kategori Pengurusan Projek yang dimenangi oleh LPP daripada Dato' Hj. A. Rahim b. Rahmat, Ketua Pengarah LPP.




200



202




201

200, 201 dan 202. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar semasa Majlis Memorandum Persefahaman Penyerahan Pengurusan Pusat Mekanisasi Peladang antara Lembaga Pertubuhan Peladang dengan Pertubuhan Peladang Negeri pada 26 Disember 1995 di Kuala Lumpur. Turut menyaksikan memorandum persefahaman ini ialah Y.B.M. Dato' Dr. Tengku Mahmud Mansor, Timbalan Menteri Pertanian.




206

206. Y.B. Datuk Dr. Sulaiman b. Hj. Daud, Menteri Pertanian Malaysia, Y.B.M. Dato' Dr. Tengku Mahmud b. Mansor, Timbalan Menteri Pertanian, Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP, Dato' Zolkipli b. Abdul, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Dato' Hj. A. Rahim b. Rahmat, Ketua Pengarah LPP bergambar bersama-sama sempena lawatan Y.B. Datuk Dr. Sulaiman b. Hj. Daud ke Ibu Pejabat LPP pada 5 Februari 1996.

# Tahun 1996

209. Y.B. Datuk Amar Dr. Sulaiman b. Hj. Daud, Menteri Pertanian Malaysia, Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi-Pengerusi Pertubuhan Peladang Berkualiti 1995 dan peladang-peladang usahawan bergambar selepas Majlis Penyampaian Anugerah Pertubuhan Peladang Berkualiti 1995 pada 1 Mac 1996 di Kuala Lumpur.



209

211. Y.B. Datuk Amar Dr. Sulaiman b. Hj. Daud menyampaikan Sijil Pertubuhan Peladang Berkualiti kepada Y.B. Senator Ibrahim b. Daud, Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri Johor.



210

210. Salah seorang peladang usahawan menerima sijil dan kad keahlian peladang usahawan daripada Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar sempena Majlis Penyampaian Anugerah Pertubuhan Peladang Berkualiti.



211



215. Y.B. Datuk Amar Dr. Sulaiman b. Hj. Daud, Menteri Pertanian Malaysia, Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Pengerusi LPP dan Y.B. Hj. Abdullah b. Hj. Ahmad, Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri Perak semasa Majlis Perasmian Pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Perak pada 18 April 1996.




217. Y.B. Datuk Amar Dr. Sulaiman b. Hj. Daud, Menteri Pertanian Malaysia menyampaikan amanatnya semasa merasmikan Pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Perak pada 18 April 1996.



216. Para tetamu yang hadir semasa Majlis Perasmian Pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Perak.

222. Y.A.B. Dato' Hj. Abdul Ghani b. Othman, Menteri Besar Johor, Y.B.M. Dato' Dr. Tengku Mahmud b. Mansor, Timbalan Menteri Pertanian dan tetamu kehormat disambut oleh anggota LPP semasa Majlis Perasmian Seminar Pertubuhan Peladang Dalam Memodenkan Industri Pertanian pada 17 Mei 1996 di Johor Bharu, Johor.







221. Y.A.B. Dato' Hj. Abdul Ghani b. Othman, Menteri Besar Johor dan tetamu khas semasa Majlis Perasmian Seminar Peranan Pertubuhan Peladang Dalam Memodenkan Industri Pertanian pada 17 Mei 1996 di Johor Bharu, Johor.

223. Anggota LPP dan Pengerusi-Pengerusi Pertubuhan Peladang seluruh Malaysia yang menghadiri Seminar Peranan Pertubuhan Peladang Dalam Memodenkan Industri Pertanian.




227



228

229. Y.B. Datuk Amar Dr. Sulaiman b. Hj. Daud, Menteri Pertanian Malaysia menerima cenderamata daripada Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar.

230. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menanam pokok sempena Majlis Pelancaran Projek Pembangunan Manusia Asas Kampung Fasa 2.

227. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menyampaikan ucapan semasa Majlis Pelancaran Projek Pembangunan Manusia Asas Kampung (PMAK) Fasa 2 (1996 - 2000) yang dirasmikan oleh Y.B. Datuk Amar Dr. Sulaiman b. Hj. Daud, Menteri Pertanian Malaysia pada 3 September 1996 di Kampung Selanyau Danau, Subis, Miri, Sarawak.

228. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar menerima cenderamata daripada penduduk setempat.


229


230


235


236

235 dan 236. Tan Sri Dato' Hj. Mustapha b. Hj. Abdul Jabar melawat projek tanaman cili Pertubuhan Peladang Kawasan Bukit Awang di Kg. Kulim, Pasir Putih, Kelantan pada 30 Disember 1996. Penerangan mengenai projek tanaman cili dibuat oleh Tuan Hj. Mohammad b. Hj. Abd. Rahman, Pengurus Besar PPK.




239. Ahli Majlis Penasihat Peladang bergambar dengan Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar pada 27 Mei 1997 di Dataran Selasih, Ibu Pejabat LPP.




240. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penasihat Peladang Kali Ke-133 pada 27 Mei 1997 di Bilik Kasturi, Aras 3, Ibu Pejabat LPP.



245. Tan Sri Dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar dan Puan Sri Datin Asmah binti Kasmijan bersama keluarga.